



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI)**

**KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkeelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan berikut:

BUTIRAN TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<b>1. Tender LPP(HQ) Bil. 01/2017</b>  <b>Membina, Memasang, Mengujiguna Dan Membekal Lori Baru 'Cold Truck' BDM 5,000KG Enam Tayar Jenis Chiller Dan Freezer Serta Lori Baru 'Cold Truck' BDM 4,800KG Empat Tayar Jenis Chiller Dan Freezer Untuk Lembaga Pertubuhan Peladang.</b>	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kod Bidang  <b>110104</b>  <b>Lori</b>	<b>RM50.00</b>	<b>13 Jun 2017 (Selasa)</b>	<b>5 Julai 2017 (Rabu)</b>

Dokumen tender boleh dibeli di alamat berikut pada waktu pejabat jam **8.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **13 Jun 2017 (Selasa) hingga 5 Julai 2017 (Rabu)**.

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN,  
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Bayaran hendaklah dibuat dengan Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf atas nama **LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil pembekal dan pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini pembekal hendaklah membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL PENDAFTARAN TARAF BUMIPUTRA (JIKA ADA)**. Satu Salinan hendaklah diserahkan untuk simpanan Lembaga Pertubuhan Peladang sebelum dibenar membeli dokumen tender.

Dokumen tender yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen **Set A** (Tawaran Harga) dan **Set B** (Tawaran Teknikal) serta dicatatkan nombor tender di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti tender di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum atau pada tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa tender ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**Tarikh Iklan : 13 Jun 2017 (Selasa)**